


Perak mahu jaga sendiri 'Perak Man'

IPOH - Kerajaan negeri Perak berhasrat untuk menempatkan rangka sebenar manusia pertama di Asia Tenggara, Perak Man yang kini ditempatkan di Muzium Negara, Kuala Lumpur ke tempat asalnya di Lenggong, selari dengan pengiktirafan Lembah Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia.

Cadangan membawa balik rangka Perak Man atau Orang Perak yang hidup kira-kira 11,000 tahun lalu itu bertujuan untuk menempatkan semua penemuan serta artifak yang ditemui di kawasan Lenggong, sekali gus boleh menjadikannya produk terbaharu pelancong ke Perak.

Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan, Pembangunan, Usahawan, Pelan-



REPLIKA rangka Perak Man yang dipamerkan di Muzium Arkeologi Lenggong, Perak. KOSMO 31/12 MS 14 -

congkan, Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan negeri, Datuk Hamidah Osman (**gambar**), berkata rangka Orang Perak yang diletakkan di Muzium Arkeologi Lenggong kini cuma replika, manakala yang sebenar diletakkan di Muzium Negara.

"Kita akui bukan mudah untuk membawa pulang

rangka sebenar Perak Man kerana ia memerlukan jagaan rapi serta bilik khas. Bagaimanapun, kita akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Warisan Negara untuk mendapatkan pandangan lebih jelas mengenai cadangan itu," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

INFO Perak Man

- Ditemui di Gua Gunung Runtuh di Lenggong.
- Kerja-kerja ekskavasi tulang Perak Man dimulakan pada tahun 1990 oleh pasukan arkeologi USM dan Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Kajian mendapati Perak Man merupakan rangka manusia yang hidup pada zaman paleolitik dan ditemui dalam rangka yang begitu lengkap pernah ditemui di Asia Tenggara.
- Perak Man dipercayai hidup pada 10,000 hingga 11,000 tahun yang lalu.
- Ia mati dalam lingkungan umur 40 hingga 45 tahun tetapi jangka hayat manusia pada ketika itu adalah sekitar 20 hingga 30 tahun sahaja.